

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**TARIKH** : **ISNIN, 12 MAC 2018**  
**RUJUKAN** : **L6 [PR-1361-L04732]**  
**SOALAN** :

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejak bila berkuatkuasanya pelaksanaan kontrak penswastaaan kutipan bayaran tempat letak kereta antara DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), jumlah hasil yang diperolehi oleh YWP dari kutipan letak kereta dan tindakan mengapit kenderaan masing-masing hingga sekarang. Apakah jumlah hasil yang diperolehi oleh DBKL daripada notis-notis kesalahan yang dikeluarkan kepada kenderaan yang gagal menjelaskan bayaran letak kereta dan dikenakan tindakan kapit masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perlantikan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi pengurusan tempat letak kereta berkuatkuasa mulai 1 Julai 2015 yang merupakan kontrak penswastaan kepada pihak ketiga. Konsep ini bukan sahaja dilaksanakan di DBKL semata-mata, bahkan ianya telah diamalkan hampir keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia. Pelantikan Yayasan Wilayah Persekutuan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan tempat letak kereta di kawasan Kuala Lumpur.

Kutipan caj parkir di Kuala Lumpur yang diterima oleh DBKL sejak pelaksanaan kontrak penswastaan ini berdasarkan kepada perkongsian hasil bagi kutipan bayaran tempat letak kereta dengan pulangan minima kepada DBKL sebanyak RM 600 ribu sebulan. Kutipan caj parkir yang telah diterima oleh DBKL sehingga bulan Februari 2018 adalah sebanyak RM 20,277,699.75.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, sebelum kontrak penswastaan bersama Yayasan Wilayah Persekutuan dilaksanakan, DBKL pernah melantik 4 kontraktor yang bertujuan untuk menguruskan tempat letak kereta melalui konsep Kontrak Perkhidmatan. Kontraktor bertanggungjawab membekal dan menyelenggara mesin bayaran parkir serta membuat kutipan caj parkir. Melalui konsep ini, DBKL tidak mendapat pulangan seperti yang diharapkan di mana DBKL perlu membayar kepada kontraktor kos operasi dan penyelenggaraan mesin bayaran parkir dalam lingkungan RM 17 juta berbanding kutipan bayaran caj parkir dalam lingkungan RM 10 juta setahun.

Ini menunjukkan bahawa dengan pelaksanaan kontrak penswastan telah memberi pulangan yang lebih baik kepada DBKL iaitu sebanyak RM 20,277,699.75 berbanding sebelumnya di mana DBKL tidak mendapat sebarang keuntungan.

Bagi tindakan mengapit kenderaan, ianya mula dilaksanakan oleh DBKL pada bulan September 2016. Jumlah hasil yang telah diterima oleh DBKL sehingga bulan Februari 2018 adalah sebanyak RM 4,801,065.50 daripada tindakan membuka kaput kenderaan dan kompaun.

Di samping itu, teknologi sistem parkir yang digunakan sekarang adalah lebih moden, sistematik dan mesra pengguna.